

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

—P.M TAK DAULAT UNDANG2 ISLAM DINAFI

KOTA BHARU, Isnin — Setiausaha Politik Menteri Pertahanan, Encik Aziz Shamsuddin menafikan sekeras-kerasnya bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mahu mendaulatkan undang-undang Islam di negara ini.

Encik Aziz menegaskan, Datuk Seri Dr. Mahathir adalah salah seorang Perdana Menteri yang benar-benar memperjuangkan maruah Islam dan telahpun membuktikan keupayaannya meninggikan syiar Islam di negara ini.

"Malah sekarang negara-negara Islam khususnya di Timur Tengah menumpukan perhatian ke negara ini, setelah Datuk Seri Dr. Mahathir berupaya membuktikan perjuangannya untuk melaksanakan pemerintahan berlandaskan akidah Islam," katanya.

Encik Aziz berkata demikian ketika menjawab soalan dari salah seorang mahasiswa Universiti Malaya di majlis dialog antara siswa/siswi universiti itu dengan Kerajaan Negeri Kelantan di Dewan Darul Naim, Kem Kijang, dekat sini, malam semalam.

Fitnah

Siswa tersebut bertanya, "adakah benar menurut sumber-sumber tertentu yang menyatakan bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mahu mendaulatkan undang-undang Islam di negara ini?"

Katanya, "sumber-sumber yang diperolehi oleh saudara itu adalah satu fitnah yang besar semata-mata yang sengaja ditaburkan oleh golongan yang tidak mahu melihat perkembangan Islam di negara ini."

Beliau menjelaskan, untuk membuktikan Datuk Seri Dr. Mahathir benar-benar berpegang teguh kepada akidah Islam, beliau tiap-tiap dua minggu sekali mengadakan pertemuan dengan ulama-ulama di negara ini.

Katanya, di samping pertemuan itu Datuk Seri Dr. Mahathir juga meminta nasihat dari para ulama dan pemimpin agama terkemuka dari Indonesia.